ZYZOOL MIRA TRAVEL · FAMILY TRAVEL BLOG

Itinerari dan Senarai Semak Umrah Keluarga

15 hari · Makkah, Taif dan Madinah · DIY bersama 4 anak

Tarikh	Ahli	Laluan	Kos wajib
28 Dis 2025 hingga 11 Jan 2026	2 dewasa, 4 anak (2 hingga 12 tahun)	Changi, Bahrain, Jeddah, Makkah, Taif, Madinah	RM21,919.52 (6 orang)

Dokumen ini berdasarkan perjalanan umrah DIY kami sekeluarga. Gunakan itinerari sebagai rangka dan ubah ikut tarikh, bilangan ahli dan keperluan keluarga anda. Cetak senarai semak dan tandakan satu persatu sebelum berangkat.

Kos dalam dokumen ini ialah kos sebenar kami dan hanya sebagai panduan. Peraturan visa, vaksin dan permit Raudhah boleh berubah, jadi sentiasa semak sumber rasmi.

Catatan penuh perjalanan ini
Gambar, video, kos sebenar dan tips harian.
zyzoolmiratravel.com/umrah-diy-sekeluarga-15-hari-makkah-taif-madinah

Disediakan oleh
Azizul Azman (Zyzool) dan Amirah Razali (Mira)
zyzoolmiratravel@gmail.com
Instagram @zyzoolmiratravel

KANDUNGAN

Apa yang ada dalam dokumen ini

1 Itinerari 15 hari
2 Garis masa persediaan
3 Senarai semak dokumen
4 Senarai semak barang
5 Senarai semak ibadah umrah dan misi tawaf anak-anak
6 Templat bajet
7 Catatan penting perjalanan
8 Tentang Zyzool Mira Travel

Cara guna: baca itinerari dan garis masa 3 bulan sebelum berangkat. Cetak senarai semak dokumen, barang dan ibadah, kemudian tandakan setiap kotak. Isi bahagian catatan penting dan simpan bersama pasport.

BAHAGIAN 1

Itinerari 15 hari

Laluan: Johor Bahru, Changi, Bahrain, Jeddah, Makkah (5 malam), Taif (2 malam), Madinah (4 malam), Jeddah, Bahrain, Changi, Johor Bahru. Kos pengangkutan ialah jumlah untuk 6 orang.

Hari	Lokasi	Aktiviti utama	Pengangkutan (kos kami)	Tidur
1	Johor Bahru, Changi	Bertolak 10.30 pagi, daftar masuk, penerbangan GF166 8.25 malam	Toyota Alphard JB ke Changi (SGD80)	Pesawat
2	Bahrain, Jeddah, Makkah	Transit Bahrain, tukar ihram, niat di miqat dalam penerbangan GF171. Haramain Train dari lapangan terbang ke Makkah. Umrah pertama malam	HHR (SAR283.26), Uber ke hotel (SAR50)	Makkah
3	Makkah	Hari rehat, kenal kawasan Haram, beli barang dapur	Shuttle hotel	Makkah
4	Makkah	Ziarah Jabal Rahmah, Muzium Wahyu, Muzium Al-Quran, Jabal Nur waktu malam	Careem, Uber, tiket muzium (SAR120)	Makkah
5	Makkah	Umrah kedua, miqat Masjid Aisyah (Tan'im), tahallul. Pencuci mulut B.Laban	Bas Makkah (SAR4 seorang sehala)	Makkah
6	Makkah	Solat Jumaat, sedekah makanan, Maghrib di Masjid Aisyah, makan malam nasi kabsah daging unta	Bas Makkah, Careem (SAR40)	Makkah
7	Makkah, Taif	Tawaf Wada' lepas Subuh, daftar keluar, ke Taif, Taif Heart Mall	Van (SAR300), Careem/Bolt	Taif

Hari	Lokasi	Aktiviti utama	Pengangkutan (kos kami)	Tidur
8	Taif	Kereta kabel Al Hada, ladang strawberi, kilang minyak wangi, Jouri Mall	Careem/Bolt, kereta kabel (SAR55 seorang)	Taif
9	Taif, Madinah	Bertolak 11 pagi, solat di Masjid Umar Al Khattab (kawasan rehat), Isyak di Masjid Nabawi	Van (SAR550)	Madinah
10	Madinah	Hari di Masjid Nabawi, ziarah Raudhah (permit Nusuk)	Uber (SAR17)	Madinah
11	Madinah	Bas Hop On Hop Off: Masjid Quba, Jabal Uhud (makanan sabil waktu malam)	Hop On Hop Off (SAR220, 24 jam)	Madinah
12	Madinah	Masjid Qiblatain, Al Rashid Mega Mall	Uber	Madinah
13	Madinah, Jeddah	Solat Jumaat, beli kurma, Ziarah Wida', ke lapangan terbang 8.30 malam	Van (SAR500)	Lapangan terbang
14	Jeddah, Bahrain	GF182 6 pagi, transit 16 jam di Bahrain (Entertainment Zone, food court), GF165 11.55 malam	-	Pesawat
15	Changi, Johor Bahru	Tiba 12.30 tengah hari, pulang ke rumah	Hyundai Starex Changi ke JB (SGD110)	Rumah

Petua: selang-selikan hari ibadah berat (umrah) dengan hari rehat. Letak umrah pertama pada hari ketibaan hanya jika semua orang cukup rehat semasa transit.

BAHAGIAN 2

Garis masa persediaan

3 bulan sebelum

- [ ] Tetapkan tarikh, bajet dan laluan (Makkah dahulu atau Madinah dahulu)
- [ ] Semak tarikh luput pasport semua ahli (sekurang-kurangnya 6 bulan)
- [ ] Daftar kursus umrah
- [ ] Buka travel planner: agenda, kos, pengangkutan, hotel, barang

2 bulan sebelum

- [ ] Tempah tiket kapal terbang (bandingkan KLIA, Senai, Changi dan penerbangan transit)
- [ ] Tempah hotel Makkah dan Madinah (bilik keluarga, shuttle ke masjid)
- [ ] Tempah hotel Taif atau bandar tambahan jika ada

1 bulan sebelum

- [ ] Mohon visa: eVisa pelancong di visa.visitsaudi.com (pilihan kami, sah 1 tahun) atau visa umrah di umrah.nusuk.sa (mesti masuk dalam 30 hari)
- [ ] Ambil vaksin meningokokal ACWY sekurang-kurangnya 10 hari sebelum tiba
- [ ] Beli insurans perjalanan (sahkan syarat jika berlepas dari luar Malaysia)
- [ ] Beli pakaian ihram, telekung, jubah dan kelengkapan anak
- [ ] Tempah tiket Haramain Train (HHR)
- [ ] Cari pemandu van untuk perjalanan antara bandar

2 minggu sebelum

- [ ] Cetak kad ID dan lanyard dengan nombor telefon serta nama hotel
- [ ] Beli SIM perayauan atau pelan data
- [ ] Pasang aplikasi Nusuk, Careem, Uber, Bolt dan Google Maps
- [ ] Sediakan buku panduan doa dan niat untuk anak-anak
- [ ] Sediakan senarai titipan doa daripada keluarga dan sahabat

1 minggu sebelum

- [ ] Daftar masuk dalam talian dan semak had bagasi
- [ ] Simpan salinan digital semua dokumen dalam telefon dan cloud
- [ ] Kemas beg ikut senarai semak
- [ ] Pasang penjejak lokasi (AirTag atau Goojodoq) dalam beg anak-anak
- [ ] Tempah permit umrah dan slot Raudhah melalui Nusuk (wajib untuk kedua-dua jenis visa)

BAHAGIAN 3

Senarai semak dokumen

Bawa salinan asal, salinan cetak dan salinan digital.

- [ ] Pasport (sah sekurang-kurangnya 6 bulan) untuk setiap ahli
- [ ] eVisa pelancong atau visa umrah (PDF dan cetakan) untuk setiap ahli
- [ ] Sijil vaksin meningokokal
- [ ] Tiket penerbangan dan rujukan tempahan
- [ ] Tiket Haramain Train
- [ ] Baucar hotel (catat yang perlu dibayar di kaunter)
- [ ] Sijil insurans perjalanan dan talian bantuan
- [ ] Salinan sijil kelahiran anak (disyorkan)
- [ ] Kad pengenalan dan lesen memandu
- [ ] Kad debit atau kredit untuk luar negara
- [ ] Gambar pasport tambahan
- [ ] Nombor kecemasan dan alamat hotel dalam bahasa Arab

BAHAGIAN 4

Senarai semak barang

Lelaki

- [ ] Kain ihram 2 set (kapas lebih selesa)
- [ ] Tali pinggang ihram atau beg pinggang
- [ ] Selipar yang menampakkan buku lali
- [ ] Seluar dalam atau cawat ihram
- [ ] Jubah atau kurta, kopiah, serban atau shemagh

Perempuan

- [ ] Telekung dan jubah 2 hingga 3 pasang
- [ ] Inner, anak tudung, tudung sarung
- [ ] Stokin dan kain dalam
- [ ] Beg kecil untuk barang peribadi

Kanak-kanak

- [ ] Kain ihram kanak-kanak (lelaki) dan telekung (perempuan)
- [ ] Baju warna terang yang sedondon untuk setiap hari
- [ ] Kad ID, lanyard dan penjejak lokasi
- [ ] Stroller lipat saiz kabin dan pembawa bayi
- [ ] Lampin, tisu basah tanpa wangian, botol air
- [ ] Snek kegemaran, buku aktiviti, krayon
- [ ] Sweater atau jaket (Taif, malam Madinah dan pesawat sejuk)
- [ ] Buku poket doa dan misi tawaf

Kesihatan dan kebersihan (tanpa wangian)

- [ ] Ubat demam, selsema, batuk dan cirit-birit
- [ ] Garam rehidrasi oral
- [ ] Plaster, krim luka, krim lecet kaki
- [ ] Pelembap bibir dan krim kulit tanpa wangian
- [ ] Sabun dan syampu tanpa wangian
- [ ] Pelitup muka
- [ ] Ubat-ubatan peribadi dan preskripsi

Elektronik

- [ ] Telefon dan pengecas
- [ ] Powerbank (bagasi kabin sahaja)
- [ ] Adapter plag (3 pin)
- [ ] SIM perayauan atau SIM tempatan
- [ ] Telefon tambahan untuk anak sulung (pilihan)

Lain-lain

- [ ] Sejadah lipat dan tasbih
- [ ] Al-Quran kecil
- [ ] Beg kasut (dibawa masuk ke masjid)
- [ ] Payung atau topi (luar waktu ihram)
- [ ] Cermin mata hitam
- [ ] Botol semburan air
- [ ] Periuk elektrik kecil (jika hotel ada dapur)
- [ ] Beg kosong untuk ole-ole

BAHAGIAN 5

Senarai semak ibadah umrah

Tandakan setiap langkah. Rujuk kursus umrah dan asatizah untuk hukum terperinci.

Bil	Perkara	Hukum	Umrah 1	Umrah 2
1	Mandi sunat ihram	Sunat	☐	☐
2	Solat sunat ihram	Sunat	☐	☐
3	Memakai pakaian ihram	Wajib	☐	☐
4	Niat ihram di miqat	**Rukun**	☐	☐
5	Tawaf 7 pusingan	**Rukun**	☐	☐
6	Solat sunat tawaf	Sunat	☐	☐
7	Berdoa di Multazam	Sunat	☐	☐
8	Minum air zamzam	Sunat	☐	☐
9	Sa'i 7 kali, Safa ke Marwah	**Rukun**	☐	☐
10	Tahallul (gunting sekurang-kurangnya 3 helai rambut)	**Rukun**	☐	☐
11	Tawaf Wada' sebelum meninggalkan Makkah	Sunat	☐	☐

Semua rukun mesti dilakukan mengikut tertib.

Lafaz ringkas untuk diingat

Niat umrah: Labbaikallahumma 'umratan
Talbiyah: Labbaikallahumma labbaik, labbaika laa syariika laka labbaik, innal hamda wan ni'mata laka wal mulk, laa syariika lak
Antara Rukun Yamani dan Hajar Aswad: Rabbana atina fid-dunya hasanah wa fil-akhirati hasanah wa qina 'azabannar

Misi 7 pusingan tawaf untuk anak-anak

Pusingan	Misi	Selesai
1	Puji Allah dan doa untuk diri sendiri	☐
2	Doa untuk ibu, ayah dan keluarga	☐
3	Doa untuk adik-beradik	☐
4	Doa pandai belajar	☐
5	Doa akhlak yang baik	☐
6	Selawat ke atas Nabi	☐
7	Doa memohon syurga	☐

BAHAGIAN 6

Templat bajet

Lajur "Kos kami" ialah kos sebenar untuk 6 orang (2 dewasa, 4 kanak-kanak). Isi lajur "Anggaran anda" ikut keluarga anda.

A. Kos wajib

Perkara	Kos kami (RM)	Anggaran anda (RM)
Tiket kapal terbang	13,143.65	
Visa pelancong eVisa (termasuk insurans wajib Saudi)	2,721.78	
Penginapan (11 malam)	2,355.44	
Vaksin meningokokal	894.00	
Pengangkutan antara bandar (van, HHR, ke dan dari lapangan terbang)	2,490.90	
Insurans perjalanan	313.75	
Jumlah kos wajib	21,919.52	

B. Ikut keperluan individu

Perkara	Kos kami (RM)	Anggaran anda (RM)
Makanan	1,952.97	
Pakaian	1,896.16	
Peralatan dan ole-ole	1,703.15	
Uber, Bolt dan Careem	912.67	
Aktiviti (kereta kabel, Hop On Hop Off, muzium)	738.76	
Cetakan (kad ID, lanyard)	156.29	
Cukur rambut	22.00	
Jumlah ikut keperluan	7,382.00	

Jumlah keseluruhan kami **RM29,301.52** (purata RM4,884 seorang)

BAHAGIAN 7

Catatan penting perjalanan

Ambil gambar nombor pintu setiap kali masuk masjid. Isi dan simpan bersama pasport.

Perkara	Masjidil Haram	Masjid Nabawi
Pintu masuk utama		
Pintu ke mataf atau Raudhah		
Pintu ke tempat sa'i		-
Pintu ke tandas dan tempat wuduk		
Tempat berkumpul jika terpisah		
Nombor rak kasut		

Hotel Makkah

Nama	Telefon
Alamat	Tarikh masuk / keluar

Hotel Taif / bandar lain

Nama	Telefon
Alamat	Tarikh masuk / keluar

Hotel Madinah

Nama	Telefon
Alamat	Tarikh masuk / keluar

Pemandu van / pengangkutan

Nama	Telefon / WhatsApp
Nama	Telefon / WhatsApp

Insurans, kedutaan dan kecemasan (Arab Saudi: 911)

Insurans: syarikat dan no. sijil	Talian bantuan insurans 24 jam
Kedutaan Besar Malaysia, Riyadh	Konsulat Jeneral Malaysia, Jeddah

Hubungan kecemasan di Malaysia

Nama	Telefon
Nama	Telefon

Catatan lain

BAHAGIAN 8

Tentang Zyzool Mira Travel

Zyzool Mira Travel ialah blog perjalanan keluarga oleh Azizul Azman (Zyzool) dan Amirah Razali (Mira), bersama empat anak kami Ayra, Afya, Aafy dan Aryz. Kami berkongsi itinerari, kos sebenar dan tips praktikal untuk keluarga yang mahu melancong bersama anak-anak, termasuk umrah secara DIY.

Catatan penuh perjalanan ini

Imbas untuk gambar, video dan kos

Laman web Zyzool Mira Travel

Imbas untuk zyzoolmiratravel.com



Kami sekeluarga di hadapan Kaabah, pagi Tawaf Wada', 3 Januari 2026.

Laman web	**Instagram**	**E-mel**
zyzoolmiratravel.com	@zyzoolmiratravel	zyzoolmiratravel@gmail.com

Semoga Allah permudahkan perjalanan anda dan menerima umrah anda. Kongsi pengalaman anda dengan kami di Instagram **@zyzoolmiratravel**.

Dokumen ini percuma untuk kegunaan peribadi. Jika berkongsi, sila nyatakan sumber Zyzool Mira Travel. Dikemas kini November 2026.